



# Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM  
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0028  
Tarikh : 27 Mac 2012

## PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN JABATAN LGM TAHUN 2012

Dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan LGM bagi Tahun 2012 telah ditetapkan seperti jadual terlampir.

2. Anggota yang ingin menduduki peperiksaan pengesahan atau peperiksaan khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) hendaklah mendaftar kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia dengan menggunakan borang yang disediakan. Borang yang telah diisi hendaklah dihantar ke UPSM selewat-lewatnya **satu (1) bulan** dari tarikh peperiksaan yang diadakan. **Permohonan yang diterima selepas tarikh yang ditetapkan, tidak akan dilayan.**

3. Sukatan peperiksaan dan borang permohonan boleh didapati di laman web portal upsm <http://www3.lgm.gov.my/upsm> . Manakala bahan rujukan boleh didapati di Perpustakaan LGM.

4. Sila ambil perhatian dan tindakan atas tarikh peperiksaan yang telah diumumkan ini. Jika terdapat perubahan tarikh peperiksaan, tuan/puan akan dimaklumkan.

Sekian dimaklumkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"**

(ROSNA BT ABD RAZAK)

s.k

Y.Bhg Datuk Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian  
Ketua Unit/Pengurus Stesen/Pengarah Wilayah  
Akademi Hevea Malaysia

**JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN JABATAN  
LGM TAHUN 2012**

<b>Bil</b>	<b>Nama Peperiksaan</b>	<b>Tarikh Peperiksaan</b>	<b>Tarikh Tutup Permohonan</b>	<b>Tempat Peperiksaan</b>
1	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Kumpulan II Gred 11 (KP)	18 Jun 2012	17 Mei 2012	Akademi Heva Malaysia
2	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Kumpulan Sokongan I Gred 17 (Q, N, W, S & J)	19 Jun 2012	18 Mei 2012	Akademi Heva Malaysia
3	Peperiksaan Pengesahan Jawatan Kumpulan Sokongan I Gred 27/29 (B, J, KP, N, N(S/U), Q, S & W)	20 Jun 2012	21 Mei 2012	Akademi Heva Malaysia
4	Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) untuk Pembantu Penyelidik, Gred Q17/22	21 Jun 2012	21 Mei 2012	Akademi Heva Malaysia
5	Peperiksaan pengesahan jawatan Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 [B, F, N, & S(Penerangan)]	21 Jun 2012	21 Mei 2012	Akademi Heva Malaysia

***Panduan Permohonan:***

1. *Permohonan hendaklah dibuat melalui Pengarah/Ketua Unit.*
2. *Calon-calon digalakkan memohon seawal yang mungkin sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.*
3. *Bagi peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) untuk Pembantu Tadbir (Gred N17/N22) ke Jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Oleh itu permohonan hendaklah dibuat secara "online" melalui laman web JPA: <http://www.interactive.jpa.gov.my/peperiksaan/mohon>*